



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 25 November 2025 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat DVS Tahun 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM dengan diiringi YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM dalam ucapan perasmiaannya menekankan bahawa pelaksanaan konsep integriti perlu dibuat secara menyeluruh di mana ia bukan sahaja tertumpu kepada isu penyelewengan dan rasuah, malah merangkumi penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh yang perlu dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berintegriti.

Penganjuran Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat DVS Tahun 2025 merupakan kesinambungan usaha Jabatan dalam memperkukuh budaya integriti di DVS selaras dengan komitmen untuk menyahut seruan Kerajaan mengangkat pembudayaan integriti sebagai agenda utama negara. Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat DVS Tahun 2025 bertemakan "Integriti Teras Kesejahteraan Negara" yang merupakan tema Sambutan Bulan Integriti Nasional 2025.

Bersempena majlis ini, DVS turut melancarkan Polisi Antirasuah serta Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan sebagai dokumen kawalan dalaman Jabatan. Kedua-dua Polisi ini menggariskan pendirian tegas DVS untuk tidak berkompromi terhadap sebarang bentuk perlakuan rasuah serta memastikan urusan rasmi Kerajaan bebas daripada unsur pengaruh luar atau campur tangan. Pembangunan Polisi Antirasuah serta Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan ini juga merupakan sebahagian daripada iltizam berterusan DVS untuk memperkukuh tadbir urus dan tatakelola Jabatan.



Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat DVS Tahun 2025 telah dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti pengukuhan integriti yang bersifat intervensi, pendidikan dan kesedaran sepanjang bulan November 2025, termasuk sesi Ceramah Integriti oleh Dai' Izzhar Nazri, Gamifikasi Integriti, Pertandingan Sudut Integriti, Pertandingan Video Pendek Integriti, sesi Bicara Integriti "Imej dan Integriti" bersama Saudara Amin Idris serta pameran reruai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Insolvensi Malaysia, Institut Integriti Malaysia serta jabatan dan agensi lain yang berkaitan.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
25 NOVEMBER 2025**